

Headline	Misi kebajikan Nippon Paint		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	8	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	154 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,131



Misi kebajikan Nippon Paint

PROGRAM tanggungjawab soisal korporat (CSR) semakin diterima sebahagian sebahagian agenda penting dalam sesebuah syarikat mahupun organisasi.

Misi sama turut didukung oleh Nippon Paint Malaysia yang baru-baru ini telah melancarkan program kemasyarakatannya dikenali sebagai Impian Berwarna-Warni yang berlandaskan kepada tema *Mencipta Keceriaan Hari ini, demi Impian Hari Esok*.

Pengurus Besar Kumpulan, Nippon Paint (M) Sdn Bhd, **Gladys Goh**, berkata, ia merupakan satu inisiatif yang menjangkau ke seluruh negara dengan matlamat untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi kanak-kanak di rumah-rumah perlindungan dengan membuat perubahan fizikal kepada kediaman tersebut.

“Melalui program ini, kami ingin menjana aktiviti yang dapat memberikan kesan lebih mendalam kepada kehidupan kanak-kanak

“Sebagai contoh, memberi peluang kepada kanak-kanak memilih sendiri warna yang mereka inginkan untuk rumah kebajikan mereka,” kata Goh.

Bagi melaksanakan usaha itu, Nippon Paint telah menjalin kerjasama dengan Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang (PKGG).

Rumah kebajikan paling awal sekali mendapat manfaat daripada program ini adalah Pure Life Society dan Rumah Juara.

Kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah mengecat semula bangunan kediaman tersebut dengan cat baru, membaik pulih dan mengindahkan semula kediaman tersebut.



GLADYS Goh (kanan) menyampaikan sumbangan cenderahati kepada kanak-kanak dari Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Nestle (M) Berhad (Pure Life)	1	0	RM 0
Nippon Paint (M) Sdn Bhd (Nippon Paint)	3	3	RM 2,437

GIST(ENGLISH)

N/A